

30 SEP 1997

Mahathir-Pelabur

MALAYSIA MASIH MENARIK KEPADA PELABUR ASING YANG SERIUS

Oleh: K.C.Leong

SANTIAGO, 30 Sept (Bernama) -- Malaysia masih menjadi tempat yang sangat menarik untuk melabur kepada kebanyakan pelabur yang teguh, jujur dan serius walaupun ia mungkin tidak kelihatan sedemikian kepada pelabur jangka pendek yang mengejar keuntungan segera, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika mengulas mengenai penurunan taraf Malaysia daripada sudut pandangan hutangnya yang dibuat baru-baru ini oleh sebuah agensi penarafan, Standard and Poors, Perdana Menteri berkata pemikiran mereka adalah selaras dengan tanggapan mereka sendiri.

"Kita tidak ada cara untuk menolak atau mengesahkan penarafan yang dibuat mereka. Kita menerimanya, tetapi ada pihak lain yang tidak bergantung kepada penarafan seperti itu dan Malaysia masih lagi merupakan tempat yang sangat menarik kepada kebanyakan pelabur yang teguh, pelabur yang benar-benar serius, bukan pelabur jangka pendek yang mengejar wang segera," katanya ketika menjawab soalan pada persidangan berita di sini pada hari Isnin.

Dr Mahathir tiba di sini Ahad lepas untuk lawatan tiga hari ke Chile. Beliau telah melawat Cuba sebelum ini dalam rangka lawatannya ke Amerika Latin dan akan terus ke Uruguay dan Argentina lewat minggu ini.

Malaysia tidak bimbang dengan penurunan taraf tersebut kerana walaupun pada ketika negara dikatakan dalam keadaan berisiko tinggi, banyak pelabur yang telah melabur di Malaysia.

"Terpulanglah kepada Standard and Poors untuk membuat penarafan mereka tetapi kita akan meyakinkan pelabur yang berpotensi mengenai kualiti insentif pelaburan Malaysia," kata Dr Mahathir.

Merujuk kepada pelabur jangka pendek, beliau berkata mereka telah membuat pelaburan dalam masa yang singkat di pasaran saham bertujuan mencapai keuntungan modal dengan menaikkan nilai saham dan kemudian melonggokkannya.

"Sekiranya pelabur benar-benar serius dan ingin melabur dalam jangka masa yang panjang, maka kita akan menyambut mereka. Tetapi jika mereka hanya ingin mengambil kesempatan untuk mendapat keuntungan modal, adalah lebih baik jika mereka tidak datang," katanya.

"Kitalah yang sememangnya akan membeli saham yang dilonggokkan oleh mereka kerana perlu ada pihak yang membelinya, maka saya rasa lebih baiklah kita membelinya," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan Malaysia tidak ada niat memperkenalkan langkah-langkah untuk mengawal pengaliran wang panas "kerana ini dunia perdagangan bebas." -- BERNAMA

LKC NN NMO